

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7

LIVE HD

Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6



LIVE HD



Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34

LIVE HD

LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37



Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22

**LIBRARY OUTREACH PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA
BERSAMA AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
5 MAC 2021**


BULETIN

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin



**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN MELAKA**

PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach bersama Akademi Pengajian Bahasa yang telah berlangsung pada 5 Mac 2021 selama dua jam bermula 10 pagi sehingga 12 tengahari. Taklimat disampaikan melalui platform atas talian Cisco Webex dengan dihadiri oleh 60 orang pensyarah iaitu 40 orang dari Kampus Alor Gajah, 6 orang dari Kampus Bandaraya Melaka dan 14 orang dari Kampus Jasin. Taklimat berkaitan Pengenalan Organisasi telah disampaikan oleh Pn. Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, diikuti dengan taklimat Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi oleh Pn. Maznah Maarof, Cadangan Pembelian Koleksi Perpustakaan dan Perkhidmatan Perpustakaan Digital oleh Cik Hazlin, Repositori Universiti dan Dasar Penyerahan Harta Intelek oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman serta sesi Pengenalan Pegawai Perhubungan. Program diakhiri dengan sesi soal jawab.



**LIBRARY OUTREACH: PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI BERSAMA
BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI KAMPUS JASIN
9 MAC 2021**

BULETIN

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin



**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN MELAKA**

Pada 9 Mac 2021 Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach: Pengurusan Rekod Universiti Bersama Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Program ini dijalankan secara terus atau bersemuka selama 1 jam. Penerangan mengenai pengurusan rekod universiti ini telah disampaikan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka. Fokus utama program outreach ini adalah bagi membantu pihak Pengurusan Fasiliti membuat penyusunan fail dengan lebih tersusun dan sistematik. Pengisian Program Library Outreach Pengurusan Rekod Universiti adalah Pengenalan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka, Objektif Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka, Perkhidmatan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka, Pengurusan Rekod, Proses Pelupusan dan Lawatan Tapak.

